

Analisis Pembaharuan Ideologi Nasionalisme Oleh Kaum Muda Di Malaysia (1906–1963)

Analysis of The Reform of Nationalism Ideology by Kaum Muda in Malaysia (1906–1963)

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil

Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.

*Corresponding author email: ibrahimmajdi@usm.my

ARTICLE HISTORY

Received: 19th January 2025
Revised: 05th November 2025
Accepted: 12th February 2026
Published: 06th April 2026

KEYWORDS

Pembaharuan
Ideologi
Nasionalisme
Islam
Kaum Muda

ABSTRAK - Penulisan ini memfokuskan peranan Kaum Muda dalam memupuk semangat nasionalisme di Malaysia antara tahun 1906 hingga 1963. Gerakan nasionalisme awal di Malaysia yang berasaskan agama dipelopori oleh sebuah gerakan yang dipanggil sebagai 'Kaum Muda'. Gerakan Kaum Muda mendapat pengaruh dari tokoh dan bahan bacaan dari Timur Tengah. Mereka membawa satu bentuk pemikiran cara baharu yang dipanggil juga sebagai *tajdid* atau *Islah*. Penulisan ini akan menggunakan kaedah persejarahan dan analisis dokumen dalam menganalisis pemikiran dan cara nasionalisme yang dibawa oleh Kaum Muda. Hasil kajian ini melihat bagaimana Kaum Muda membawa bentuk nasionalisme baharu yang berbeza dengan perjuangan nasionalisme yang dipengaruhi oleh barat. Kewujudan gerakan ini juga dilihat berbeza dengan kelompok gerakan Islam tradisi yang dikenali juga sebagai 'Kaum Tua' yang membawa Islam dengan cara yang bersifat konservatif. Peranan Islam dalam gerakan atau persatuan ini telah mewujudkan satu bentuk nasionalisme baharu dalam gerakan Islam. Nasionalisme ini turut berkembang dalam gerakan-gerakan Islam pasca merdeka. Kajian ini turut memfokuskan kesan pembaharuan ideologi nasionalisme Islam yang dibawa oleh Kaum Muda dan bagaimana nasionalisme ini berkembang pada era pasca merdeka melalui gerakan-gerakan Islam yang berkembang khususnya ketika era kebangkitan Islam di Malaysia.

ABSTRACT - This article focuses on the role of the Kaum Muda in fostering the spirit of nationalism in Malaysia between 1906 and 1963. The early nationalism movement in Malaysia based on religion was pioneered by a movement called the 'Kaum Muda'. The Kaum Muda movement was influenced by figures and reading materials from the Middle East. They brought a new form of thinking also called *tajdid* or *Islah*. This article will use historical methods and content analysis in analysing the thinking and way of nationalism brought by the Kaum Muda. The results of this study see how the Kaum Muda brought a new form of nationalism that is different from the struggle for nationalism

influenced by the West. The existence of this movement is also seen as different from the traditional Islamic movement group also known as the 'Kaum Tua' who brought Islam in a conservative way. The role of Islam in this movement or association has created a new form of nationalism in the Islamic movement. This nationalism also developed in post-independence Islamic movements. This study also focuses on the impact of the renewal of the ideology of Islamic nationalism brought by the Youth Movement and how this nationalism developed in the post-independence era through Islamic movements that developed especially during the era of Islamic revival in Malaysia.

PENGENALAN

Kajian ini akan memfokuskan kepada konsep nasionalisme yang berasaskan Islam atau dalam kajian ini digunakan terma nasionalisme Islam. Apabila membincangkan mengenai terma nasionalisme, terma ini akan berkait dengan satu sifat kenegaraan. Sebelum perbincangan yang lebih lanjut berkenaan tajuk ini, penulisan ini akan membincangkan maksud nasionalisme dan bagaimana nasionalisme ini boleh dikaitkan dengan Islam. Kajian ini mengambil definisi daripada beberapa kajian yang telah dilakukan.

KONSEP NASIONALISME

Dalam kajian oleh Badri Yatim (1999), beliau mendefinisikan nasionalisme berasal daripada perkataan nation yang bererti bangsa. Dalam pengertian antropologi dan sosiologi, bangsa adalah suatu persekutuan hidup, iaitu kelompok manusia yang hidup bersama dalam satu sistem sosial yang saling berinteraksi, berkongsi nilai, dan mempunyai identiti kolektif. Setiap anggota persekutuan ini merasa satu kesatuan ras, bahasa, agama, sejarah dan adat-istiadat. Menurut Stoddard (1966), nasionalisme adalah suatu keadaan jiwa, suatu kepercayaan yang dianut oleh sejumlah besar manusia sehingga mereka membentuk suatu kebangsaan dalam bentuk kebersamaan. Ini adalah definisi yang dikaitkan dengan nasionalisme.

Kajian tertarik dengan definisi yang dikemukakan dalam kajian oleh Rahimin Affandi et al. (2016) yang mengaitkan nasionalisme dengan Islam. Dalam kajian tersebut, nasionalisme dikaitkan dengan konsep semangat 'asabiyyah', iaitu solidariti kelompok atau ikatan sosial yang menekankan kesatuan dan kekuatan komuniti sebagaimana dihuraikan oleh Ibn Khaldun. Konsep ini dilihat selari dengan semangat kebangsaan yang mendorong perpaduan dalam masyarakat Islam.

Meskipun nasionalisme sering dikaitkan dengan negara Barat kerana konsep ini berkembang di sana, sejarah Islam juga menunjukkan wujud gesaan kepada umat Islam untuk mempertahankan tanah air. Malahan, Nabi Muhammad s.a.w terkenal dengan gaya pemerintahan baginda semasa menguasai kerajaan Islam Madinah, yang memperlihatkan ciri-ciri nasionalisme seperti yang telah disebutkan.

Penulisan ini memfokuskan kepada gerakan pembaharuan nasionalisme yang memfokuskan kepada konsep Islah dan Tajdid dalam gerakan nasionalisme Islam. Di Malaysia, pencetus awal gerakan ini telah dipelopori oleh gerakan Kaum Muda. Gerakan Kaum Muda adalah sebuah gerakan yang ditubuhkan untuk membangkitkan semangat nasionalisme khususnya dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. Penulisan ini cuba untuk memfokuskan kepada sebuah konsep sosiologi iaitu konsep gerakan sosial. Sebelum perbincangan lanjut berkenaan tajuk penulisan ini, seloknya penulisan ini merangkan secara ringkas mengenai definisi konsep yang dipilih iaitu konsep gerakan sosial.

Gerakan Sosial

Konsep gerakan sosial dipilih sebagai konsep utama yang digunakan untuk membincangkan tajuk penulisan ini. Gerakan sosial pada umumnya adalah satu usaha secara berstruktur oleh sekelompok masyarakat untuk melakukan perubahan sosial dalam aspek kemasyarakatan (Scott & Marshall, 2009). Gerakan sosial kemudiannya turut berkembang sebagai sebuah gerakan politik bagi menentang status quo. Bagi Malik Bin Nabi, iaitu seorang ahli pemikir dan ahli sosiologi Islam berpendapat bahawa untuk mewujudkan perubahan sosial, perlu kepada dua asas iaitu asasi ideologi dan gerakan. Malek Bin Nabi dalam pemikirannya mengenai gerakan sosial menyatakan bahawa tidak ada perubahan tanpa

ideologi, maka demikian jugalah halnya tidak akan berlaku perubahan yang diinginkan tanpa sebuah gerakan (Ali Al Quraisy, 1996). Ini adalah antara definisi konsep yang boleh dijelaskan terutamanya dari aspek sosiologi.

Gerakan sosial ini berbeza dengan gerakan sosial yang berlandaskan politik meskipun mempunyai kaitan dengan gerakan sosial politik di mana Kaum Muda kemudiannya juga berkembang menjadi sebuah gerakan politik. Penulis mengambil beberapa definisi konsep dalam kajian-kajian lepas bagi memberi justifikasi terhadap definisi konsep yang dipilih oleh penulis. Menurut H. Dadang Kahmad (1999:67-68), gerakan keagamaan sering kali muncul sebagai reaksi terhadap ketidakpuasan terhadap penguasa atau pemimpin negara. Ketidakpuasan ini biasanya timbul ketika masyarakat menyaksikan kemewahan yang dinikmati oleh penguasa, serta konflik yang terjadi akibat ketidakpuasan sosial dan keagamaan yang disebabkan oleh kawalan sosial yang berlebihan terhadap kehidupan individu oleh pihak berkuasa.

Ini turut berlaku kepada gerakan Kaum Muda di mana semasa era tersebut, telah berlakunya penjajahan oleh penjajah barat dan kelompok ini melihat kepada perlunya satu gerakan bagi mewujudkan perubahan sosial melalui satu bentuk nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaya pada ketika itu. Dalam penulisan ini, penulis lebih suka untuk menggunakan terma nasionalisme berbanding patriotisme oleh kerana nasionalisme membentuk bukan sahaja semangat atau perasaan, tetapi turut berkembang sebagai sebuah ideologi. Meskipun ada antara mendefinisikan kedua-dua konsep ini dengan rasa cinta akan negara, penulis berpendapat bahawa konsep nasionalisme ini sifatnya lebih holistik berbanding patriotisme.

Gerakan nasionalisme oleh Kaum Muda ini adalah antara bentuk penentangan terhadap penjajah yang dikenali sebagai penentangan intelektual. Penentangan ini berbeza dengan penentangan awal yang berbentuk penentangan berdarah dengan tokoh seperti Tok Gajah dan Mat Kilau di Pahang, Tok Janggut di Kelantan, Dol Said di Melaka, Abdul Rahman Limbong di Terengganu dan seumpamanya. Sebelum ini, kebanyakan penentangan secara berdarah lebih ditumpukan secara fizikal dan beradu kekuatan. Gerakan nasionalisme yang dibawa oleh kelompok Kaum Muda banyak menekankan mengenai peranan intelektual. Malah, mereka turut menjadikan peranan agama dan memasukkan nilai Islam dalam semangat nasionalisme yang dibawa oleh mereka. Gerakan Kaum Muda turut melibatkan tokoh agama. Oleh yang demikian, penulis memfokuskan lagi cabang gerakan sosial ini sebagai sebuah gerakan agama.

Gerakan Agama

Dadang Kahmad (1999) menyatakan bahawa ketika terjadi konflik penentangan terhadap penjajah, pemimpin agama tertentu akan memberikan dorongan dan sokongan kepada pengikut mereka untuk melaksanakan perubahan. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh ahli dan tokoh agama dalam memberikan dorongan dan sokongan ini juga mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap gerakan keagamaan. Berdasarkan penjelasan tersebut, gerakan keagamaan memberikan dampak kepada masyarakat, meskipun kadang-kadang gerakan ini hanya melibatkan sekelompok kecil individu.

Gerakan keagamaan sering kali dilihat sebagai alat untuk mendorong perubahan sosial dalam masyarakat. Pada era penjajahan di Malaysia, terdapat tiga kelompok nasionalisme yang berbeza dalam penentangan terhadap penjajah. Kelompok pertama adalah nasionalisme Islam yang dipengaruhi oleh Timur Tengah, kelompok kedua adalah nasionalisme anak tani yang memiliki aspirasi serupa dengan gerakan nasionalisme di Indonesia, dan kelompok ketiga adalah nasionalisme elit yang memiliki hubungan baik dengan penjajah. Penulisan ini menekankan pada kelompok pertama, iaitu nasionalisme yang melahirkan gerakan Islam.

PERBINCANGAN

Gerakan Islam Di Malaysia

Menurut Shiozaki Yuki (2007:106), gerakan Islam merujuk kepada usaha yang dianjurkan untuk menegakkan prinsip Islam pada individu serta sebagai norma sosial dalam masyarakat Muslim moden. Penulis memilih gerakan Kaum Muda yang muncul dan aktif semasa era penjajahan sebagai contoh utama dalam penulisan ini. Meskipun pada masa yang sama terdapat kelompok 'Kaum Tua' yang beraliran konservatif, penulisan ini memfokuskan kepada peranan kaum muda dalam menekankan nasionalisme dan bagaimana usaha mereka mempengaruhi gerakan Islam selepas merdeka. Namun

demikian, penulisan ini tidak menafikan sumbangan golongan kaum tua dan ulama-ulama terdahulu dalam memperjuangkan semangat nasionalisme dan kemerdekaan. Dalam memperjuangkan semangat dan ideologi nasionalisme, salah satu medium utama yang digunakan oleh gerakan Kaum Muda dalam penentangan intelektual adalah melalui penerbitan seperti majalah dan akhbar.

Nasionalisme Pembaharuan Kaum Muda

Golongan nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu yang pertama disebut oleh William Roff (1967:56) adalah mereka yang berorientasikan semangat nasionalisme dari Timur Tengah. Golongan ini banyak mendapat pengaruh ideologi dari negara Mesir pada ketika itu. Perkara ini terbukti apabila golongan ini telah mewujudkan majalah Islam yang diberi nama Al-Imam pada tahun 1906. Majalah Al-Imam adalah sebuah majalah jawi yang dikatakan banyak dipengaruhi dan amat berkait rapat dengan majalah Al-Manar di Mesir. Majalah Al-Manar adalah sebuah majalah terbitan oleh salah seorang tokoh penulis reformis di Mesir, Rashid Rida. Pemikiran Rashid Rida pula banyak dipengaruhi oleh Syekh Mohd Abduh iaitu seorang Syekh Azhar di Mesir dan seorang pemikir terkenal. Malah, banyak artikel dari majalah Al-Manar telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu di dalam majalah Al-Imam. Mereka yang terbabit dalam mewujudkan majalah Al-Imam termasuklah Syakh Tahir b. Jalaludin Al-Azhari, Sayyid Shahkh b. Ahmad Al-Hadi, Haji Abbas b. Mohd Taha dan Shakh Mohd Salim Al-Kalali. Menurut Ahmad Faisal Hamid(2013), majalah Al-Imam adalah sebuah majalah yang menyebarkan tentang pemikiran tokoh-tokoh reformis terutamanya dari Mesir ke Tanah Melayu.

Pada sekitar tahun 1920-an, majalah dan akhbar pertama yang muncul dalam kalangan masyarakat Melayu adalah Al-Islam dan Neraca. Akhbar-akhbar ini ditulis oleh golongan Kaum Muda yang memperjuangkan semangat nasionalisme dan dipengaruhi oleh reformis Islam dari Timur Tengah. Oleh itu, kandungan akhbar awal ini banyak membahas isu Islam yang berlaku di Mesir dan Turki pada masa tersebut. Akibatnya, Al-Islam dan Neraca banyak menonjolkan metode dakwah yang berasal dari Timur Tengah. Selain itu, akhbar ini juga berfungsi sebagai medium untuk menyebarkan idea pembaharuan dan pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat Melayu. Mereka memainkan peranan penting dalam membangkitkan kesedaran politik dan sosial, serta menggalakkan perbincangan mengenai isu semasa yang relevan dengan keadaan masyarakat pada waktu itu. Dengan cara ini, Al-Islam dan Neraca bukan sahaja menjadi sumber maklumat, tetapi juga alat untuk memupuk semangat kebangsaan dan memperkuatkan identiti keagamaan dalam kalangan pembacanya.

Kaum Muda juga aktif dalam menerbitkan akhbar mereka sendiri. Antara akhbar yang diterbitkan oleh Kaum Muda adalah Idran Zaman (1925-1930) dan Al-Ikhwan (1926-1931), yang memiliki banyak persamaan dengan majalah Al-Imam, sebuah akhbar dari Timur Tengah. Salah satu tokoh utama yang bertanggungjawab dalam penerbitan ini adalah Syed Syeikh Al Hadi. Menurut William Roff (1967), Syed Syeikh Al Hadi hanya memperjuangkan idea masa lampau dan cita-cita lama seperti pada awal kemunculan Kaum Muda. Pada penerbitan awal, majalah dan akhbar ini banyak membahas pertelingkahan agama dengan golongan Kaum Tua.

Mereka berusaha memperkenalkan pembaharuan dengan pandangan yang berbeza daripada kelompok Kaum Tua, yang cenderung memperjuangkan Islam dalam bentuk yang lebih konservatif. Namun, Roff menyatakan bahawa istilah Kaum Muda telah mengalami perubahan seiring dengan berjalannya waktu. Kaum Muda pada tahun 1920-an berbeza dengan Kaum Muda sebelumnya. Menurut Roff, Kaum Muda telah berubah menjadi golongan Melayu Muslim yang lebih menekankan kemajuan dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial, dibandingkan dengan Kaum Muda terdahulu yang lebih banyak membahas pertelingkahan agama.

Selain menerbitkan akhbar Al-Ikhwan, Syed Syeikh Al Hadi juga menerbitkan akhbar Saudara. Akhbar Saudara berbeza daripada penerbitan sebelumnya kerana ia memuatkan lebih banyak berita dan ulasan umum, bukan hanya fokus kepada isu-isu agama. Hal ini menjadikan akhbar Saudara sebagai salah satu akhbar yang paling berpengaruh di Tanah Melayu. Konsep akhbar Saudara juga unik kerana ia berfungsi sebagai pengkritik terhadap gaya hidup orang Melayu yang tidak bertolak ansur. Pada tahun 1930-an, semakin banyak akhbar harian muncul di Tanah Melayu, ditulis oleh para penulis baharu. Salah satu penulis terkenal adalah Rahim Kajai, yang menunjukkan simpati terhadap Kaum Muda. Beliau banyak memfokuskan pada aspek ilmu dan perbalahan agama. Penerbitan ini turut menyumbang kepada perkembangan gerakan Islam yang membawa ideologi dakwah yang baharu.

Gerakan Kaum Muda Dan Nasionalisme Islam

Usaha ini mula timbul seiring dengan perkembangan masyarakat kota dan perubahan sosial dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim di Malaysia. Pada masa ini, orang Melayu menginginkan penyatuan. Kaum Muda giat memperjuangkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat Melayu, terutamanya melalui seruan mereka dalam akhbar Neraca. Namun, menurut William Roff, seruan pembaharuan agama oleh Kaum Muda kurang mendapat sambutan daripada golongan tani, kerana mereka sering menyerang golongan atasan. Hal ini menggusarkan masyarakat tani yang menganggap Sultan sebagai pelindung mereka. Perjuangan Kaum Muda juga mencetuskan polemik dengan Kaum Tua.

Pertembungan antara Kaum Muda dan Kaum Tua merupakan aspek penting dalam sejarah nasionalisme di Tanah Melayu. Penulis merasakan perlunya perbincangan mengenai asas metode perjuangan kedua-dua kumpulan ini. Gerakan Kaum Tua adalah aliran tradisional yang juga dikenali sebagai kelompok konservatif, manakala gerakan Kaum Muda aliran Islah dikenali sebagai pembaharu, reformis, dan Tajdid. Dua bentuk pemikiran ini membentuk metode perjuangan yang berbeza dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Perbincangan mengenai latar belakang kedua-dua gerakan ini perlu dilakukan untuk memahami perbezaan metode dakwah yang timbul akibat perbezaan aliran pemikiran antara mereka.

Penulisan ini merujuk kepada karya Abdul Rahman Abdullah yang banyak membahas sejarah aliran pemikiran dan intelektual Islam. Abdul Rahman Abdullah (2010) membagi perkembangan reformis, yang dikenal sebagai tajdid atau Islah, kepada dua periode: zaman klasik dan zaman moden. Asas tajdid zaman klasik bermula sejak era Khulafa al-Rasyidin dalam menentang semangat jahiliah dan asabiyyah pada masa itu. Kemudian, ia berkembang pada zaman pemerintahan Umar Abdul Aziz sebagai tokoh awal tajdid dalam politik. Pembaharuan ini diteruskan oleh tokoh seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Asya'ari, Imam Ghazali, dan Ibn Tamiyyah. Pada zaman moden, pembaharuan ini dilanjutkan oleh tokoh seperti Syeikh Ahmad Sirhindi, Syed Waliullah al-Dihlawi, Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab, Sayyid Jamaluddin al-Afghani, dan Syeikh Muhammad Abduh.

Sebelum munculnya gerakan agama reformis, yang lebih dikenal sebagai Kaum Muda di Tanah Melayu, telah ada satu aliran tradisional yang bertaklid kepada tokoh ulama Shafi'iyah dalam akidah, tasawuf, dan syariat, menurut Abdul Rahman. Kumpulan tradisional ini, yang disebut oleh William Roff sebagai Kaum Tua, adalah kelompok pemikiran Islam tradisional atau konservatif. Ketika membahas kelompok tradisional ini, pusat perkembangan mereka adalah di pondok-pondok yang menekankan pendidikan Islam dan menjadikan peranan ulama sangat penting. Tokoh- ulama pada waktu itu berasal dari Patani dan Jawa (Mohamad Kamil 1996:33).

Menurut Mohamad Kamil, kebanyakan ulama Nusantara pada waktu itu tidak dapat menghindari pengaruh tasawuf. Selain itu, intelektual dan pemikiran ulama Melayu Nusantara pada masa tersebut hanya memfokuskan pada bidang agama dan menganggap ilmu dunia dan moden sebagai tidak penting. Pemikiran seperti ini menyebabkan banyak urusan kehidupan dunia diabaikan. Pendapat ini juga disetujui oleh Jaffary Awang dan Kamarudin Salleh (2007:42). Menurut mereka, kelompok aliran tradisional ini menganggap kuasa Barat bukanlah ancaman bagi masyarakat Islam, kerana mereka percaya pada ketinggian status orang Islam dibandingkan dengan masyarakat bukan Islam.

Kajian ini berpendapat perkembangan gerakan nasionalisme Islam sebelum merdeka telah membentuk bukan sahaja gerakan, tetapi telah mewujudkan satu bentuk ideologi. Ini selari seperti yang disebutkan oleh Malek Bin Nabi yang menyatakan bahawa apabila timbul satu gerakan, akan berhubung kait dengan kewujudan ideologi. Oleh yang demikian, kajian boleh membuat kesimpulan awal bahawa perkembangan nasionalisme dan gerakan Islam era sebelum merdeka telah membawa kepada satu perubahan sosial dan telah membentuk sebuah ideologi. Kajian juga berpendapat ideologi tersebut tidak statik semasa era sebelum merdeka, tetapi berbentuk dinamik dan perkembangannya mempengaruhi gerakan-gerakan Islam pasca merdeka.

Analisis Perkembangan Ideologi Nasionalisme Islam Pasca Merdeka

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, ideologi gerakan nasionalisme ini kembali aktif berkembang hanya sekitar tahun 1960an sehingga tahun 1990an. Pada sekitar tahun 1960an, telah berlakunya suatu fenomena dunia terutamanya di beberapa negara yang majoritinya masyarakat Islam. Fenomena yang dimaksudkan adalah fenomena kebangkitan Islam yang berlaku di negara Timur Tengah seperti di Mesir, Iraq, Syria, dan negara luar dari Timur Tengah seperti Pakistan, Turki, Iran, Indonesia dan Malaysia. Ada beberapa faktor dan pandangan mengenai gerakan kebangkitan Islam di dunia dan secara khususnya di Malaysia.

Menurut Mashitah Sulaiman (2013:787), fenomena kebangkitan agama ini merupakan gelombang kesedaran yang bertujuan membawa masyarakat Islam kembali kepada ajaran Islam dengan mewujudkan dominasi Islam dan kuasa politik yang dikuasai oleh umat Islam. Gelombang kebangkitan Islam ini bersifat holistik, merangkumi setiap aspek kehidupan. Kebangkitan Islam tidak hanya terbatas pada kehidupan keagamaan, tetapi juga meliputi aspek ekonomi, politik, pentadbiran, pendidikan, serta sosial dan kemasyarakatan. Penulisan ini mengenal pasti bahawa pengertian ini sangat jelas dalam menjelaskan matlamat fenomena kebangkitan kesedaran agama yang berlaku sekitar tahun 1960-an hingga 1990-an. Kedatangan penjajah, terutama semasa Perang Dunia, memberikan kesan yang besar kepada masyarakat Islam.

Kesan yang paling jelas adalah kejatuhan empayar Islam semasa Perang Dunia, termasuk empayar Islam yang paling dominan ketika itu iaitu Empayar Uthmaniah pada tahun 1922 selepas berlakunya Perang Dunia Pertama. Kejatuhan empayar Islam yang banyak menaungi negara Islam telah mengubah sistem negara yang majoritinya masyarakat Muslim. Negara Barat telah memperkenalkan dua sistem negara iaitu sistem negara demokrasi dan sistem negara republik. Walaupun masih ada negara Barat yang menjalankan sistem monarki, sistem monarki yang diperkenalkan adalah sistem Raja Berperlembagaan yang berbeza dengan sistem Khalifah. Kedua-dua bentuk sistem pentadbiran republik dan demokrasi ini adalah hasil daripada pemodenan negara Barat pada era *Renaissance*. Sistem ini dibawa oleh negara Barat dan diaplikasikan kepada negara lain semasa penjajahan Barat ke atas negara-negara lain termasuk negara-negara yang majoritinya masyarakat Muslim seperti Mesir, Algeria, dan Pakistan. Perkara ini telah membentuk satu terma yang disebut sebagai sekularisme.

Sekularisme dalam sistem politik secara umum merujuk kepada pemisahan antara pentadbiran negara dan agama. Sekularisme mula terbentuk di negara Barat semasa zaman *Renaissance*, ketika terjadi bantahan terhadap kerajaan yang dikuasai oleh golongan gereja. Perubahan ini banyak mempengaruhi dan menjadi faktor asas bagi kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat Islam di beberapa negara, sehingga mewujudkan fenomena sosial berupa kesedaran dan kebangkitan Islam, khususnya pada era 1960-an hingga 1990-an. Pada era ini, nasionalisme lebih berfokus kepada kesedaran Islam, yang memunculkan gerakan-gerakan agama yang membangkitkan semangat nasionalisme baharu di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Kebangkitan nasionalisme ini tidak lagi berfokus kepada penentangan terhadap penjajah, tetapi terhadap sistem politik dan sosial yang ditinggalkan oleh penjajah.

Kesedaran masyarakat Islam yang muncul sekitar tahun 1960-an hingga 1990-an adalah kesinambungan daripada gerakan nasionalisme yang berlaku sejak akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Ini menunjukkan bahawa gerakan dakwah yang dimulakan oleh Jamaluddin Afghani, Sheikh Mohd Abduh, dan Rashid Rida tidak pernah terhenti. Menurut William Roff (1967), gerakan tokoh-tokoh ini banyak mempengaruhi gerakan dakwah Kaum Muda di Tanah Melayu. Perbezaannya adalah gerakan ini terus didukung ideologinya, tetapi dalam struktur sosial yang berbeza. Ideologi ini terus didukung oleh tokoh reformis yang lebih baharu, yang membentuk gerakan agama untuk memperjuangkan matlamat dan tujuan ideologi reformis.

Menurut Peter Mandaville (2007:14), gerakan nasionalisme yang paling penting dan membawa visi baru dalam politik Islam bermula di Mesir, dipelopori oleh Hassan al-Bana. Hassan al-Bana menubuhkan gerakan sosial Ikhwanul Muslimin pada tahun 1928. Ideologi Tajdid dan Islah Ikhwanul Muslimin kemudian berkembang ke negara lain, termasuk Malaysia. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sebahagian besar gerakan Islam hingga kini banyak dipengaruhi oleh gerakan Ikhwanul Muslimin.

Di akhir tahun 1960an, warisan kebudayaan Islam semakin berkembang. Hal ini berlaku akibat kejatuhan warisan kebudayaan Islam seiring dengan kejatuhan empayar Islam semasa perang dunia. Oleh yang demikian, sebahagian masyarakat Islam cuba untuk menghidupkan kembali warisan kebudayaan Islam. Selain faktor warisan kebudayaan, gerakan kebangkitan Islam juga didorong oleh rasa tidak puas hati oleh sekumpulan orang Islam dengan sifat politik yang berbentuk sekular di negara majoriti Islam yang dilihat sebagai satu sistem Barat yang gagal. Kesedaran sebegini datang terutamanya apabila berlaku konflik antara Arab dan Israel pada tahun 1967. Di Asia Tenggara pula, konflik yang berlaku seperti konflik dengan komunis di Indonesia, serta konflik etnik yang berlaku di Malaysia juga menjadi salah satu dorongan kepada gerakan kebangkitan Islam (Kersten 2009:90). Selain itu, revolusi Iran yang berlaku pada tahun 1979 juga banyak memberi kesan kepada gerakan kebangkitan Islam dunia.

Para ulama' sering dikaitkan dengan kumpulan tradisionalis yang mengajar agama Islam di pondok-pondok, dengan fokus pada mempelajari ilmu Quran, Hadis, Fiqh, serta kitab-kitab klasik (Shiozaki Yuki 2007:112). Karisma dan ceramah para ulama ini sangat mempengaruhi masyarakat Muslim yang menghormati dan menyanjung mereka. Pada era ini, gerakan reformis juga mula menonjolkan ulama sebagai pemimpin gerakan Islam, terutama dengan membawa dakwah yang baru untuk menimbulkan kesedaran nasionalisme.

Oleh itu, pada era 1960-an hingga 1990-an, banyak terma baharu dalam bahasa Arab muncul untuk memperjuangkan gerakan Islam yang lebih progresif. Menurut Kamarudin Salleh (2012:23), terdapat pelbagai slogan semasa zaman kebangkitan Islam, seperti *Al-Usulliyah Al-Islamiyyah*, *Al-Sahwah Al-Islamiyyah*, *Al-Tajdid*, *Al-Islah*, dan *Al-Bath Al-Islamic*. Walaupun gerakan Islam lebih suka menggunakan terma Arab, ada juga yang menggunakan terma Barat seperti *Renaissance*, *Regeneration*, *Revitalization*, *Re-emergence*, *Resurrection*, *Revolution*, *Upsurge*, *Awakening*, dan *Islamism*. Meskipun beberapa terma Arab dan Inggeris mempunyai tujuan dan maksud yang sama, gerakan Islam lebih menekankan penggunaan terma Arab untuk membezakan kebangkitan Islam daripada pemodenan oleh masyarakat Barat. Terma yang digunakan juga disesuaikan dengan ideologi setiap gerakan Islam.

Kebangkitan Kesedaran Nasionalisme Islam

Nasionalisme Islam bertujuan kembali kepada ajaran Islam dan berjuang untuk melawan penjajahan dan kuasa kolonial. Perkara ini berikutan kebanyakan negara majoriti Islam telah dijajah terutamanya setelah berlakunya beberapa siri peperangan dan kemuncaknya selepas perang dunia ke dua. Sekularisme mula berkembang dalam tamadun barat apabila kuasa pentadbiran negara dan gereja dibezakan. Cara pentadbiran ini turut terkesan kepada negara-negara Islam yang dijajah oleh penjajah barat. Hal ini turut menyebabkan perlunya membentuk dakwah yang memfokuskan kesedaran masyarakat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Islam.

Semua sebab dan peristiwa yang berlaku juga dirasai di Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia selepas 16 September 1963. Pada era ini, kebangkitan Islam muncul dalam bentuk gerakan sosial yang membawa kepada pembentukan nasionalisme baharu. Gerakan ini bukan sekadar menekankan aspek ritual dan kepercayaan, tetapi memperluas pemahaman Islam kepada dimensi moral, sosial, dan politik. Kesedaran ini mendorong gerakan Islam seperti ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia), Jemaah Islah Malaysia dan PAS untuk memfokuskan dakwah yang menekankan pembentukan masyarakat berakhlak, keadilan sosial, dan penentangan terhadap unsur sekularisme Barat. Pendekatan ini mencetuskan semangat nasionalisme baharu yang berasaskan nilai Islam, di mana identiti kebangsaan dilihat selari dengan prinsip syariah dan perjuangan menegakkan kedaulatan negara yang berteraskan agama. Dengan kata lain, kebangkitan Islam bukan sahaja menghidupkan semangat keagamaan, tetapi turut menjadi pemangkin kepada pembentukan nasionalisme yang menolak dominasi ideologi Barat dan mengangkat Islam sebagai asas pembinaan negara bangsa.

Majalah *Al-Imam* merupakan penerbitan awal yang memberi kesedaran sosio-politik kepada orang Melayu dengan menyeru kepada perubahan sosial dalam masyarakat Melayu Muslim di Tanah Melayu dan Singapura (Roff 1967:270). Menurut Roff, sifat reformis yang dibawa oleh golongan ini menyebabkan mereka dikenali sebagai Kaum Muda, iaitu gerakan yang menentang dominasi hierarki agama tradisional yang digelar Kaum Tua.

Perkembangan gerakan agama Kaum Muda ini bermula di Singapura dan berkembang di Negeri-negeri Selat yang lain iaitu negeri Melaka Tengah dan Pulau Pinang. Setelah itu, gerakan Kaum Muda terus berkembang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Perkembangan gerakan Kaum Muda di Perak telah mewujudkan Madrasah Idrisiyah di Perak. Kewujudan madrasah tersebut telah mendorong gerakan ini untuk mewujudkan parti politik Islam pertama di Tanah Melayu iaitu parti Hizbul Muslimin (HM) (Abdul Rahman Abdullah 1997:211). Akhir sekali, gerakan aliran Kaum Muda berkembang di Negeri-Negeri Melayu tidak Bersekutu iaitu Johor, Perlis, dan Kelantan. Malah, gerakan ini telah mencapai kemuncaknya di negeri Perlis. Berbeza pula di negeri Kelantan, di mana gerakan pembaharu ini lebih banyak dipengaruhi oleh Syah Waliullah berbanding gerakan Kaum Muda di negeri lain yang banyak di pengaruhi tokoh seperti Syeikh Muhammad Abduh dan Rashid Rida. Malah, menurut Abdul Rahman (1987:5) lagi, majalah Kaum Muda iaitu '*Al-Imam*' digunakan sempena nama gelaran Syeikh Muhammad Abduh. Pengkaji melihat bahawa telah berlaku perkembangan lanjutannya semasa era pasca merdeka apabila beberapa pendekatan dilihat mempunyai persamaan di antara gerakan intelektual Islam semasa akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20 dengan gerakan dakwah pasca merdeka.

Jaringan dakwah bagi kedua-dua gerakan Kaum Muda dan kebangkitan Islam yang beraliran reformis banyak dipengaruhi oleh tokoh-tokoh gerakan agama dari Mesir. Seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, gerakan Ikhwanul Muslimin di Mesir yang dipelopori oleh Hassan al-Bana merupakan kesinambungan dari gerakan sosial awal di Mesir oleh tokoh-tokoh seperti Jamaluddin Afghani, Syekh Muhammad Abduh, dan Rashid Rida, yang banyak mempengaruhi kumpulan Kaum Muda menurut William Roff. Ikhwanul Muslimin meneruskan gerakan dakwah dengan merujuk kepada sumber Quran dan Sunnah. Jika Kaum Muda sebelumnya mempunyai hubungan langsung dengan tokoh reformis di Mesir, gerakan kebangkitan Islam yang beraliran reformis juga mempunyai hubungan langsung dengan pemimpin gerakan Ikhwanul Muslimin serta gerakan reformis di negara-negara lain. Ini menunjukkan bahawa kumpulan pembaharu agama terus berkembang dan mencapai kemuncaknya pada era kebangkitan gerakan Islam di Malaysia.

PENUTUP

Perkembangan nasionalisme baharu yang fokus kepada Islam mula berkembang apabila munculnya gerakan Kaum Muda. Wujudnya gerakan dakwah ini dilihat berjaya mempengaruhi intelektual masyarakat Melayu di Malaysia untuk menentang penjajahan kuasa barat. Kedatangan gerakan Kaum Muda dengan idea nasionalisme Islam telah memberi kesan kepada sebahagian besar masyarakat Melayu. Gerakan sosial sebegini terus berkembang semasa era pasca merdeka. Zaman kebangkitan Islam yang berlaku pada era tahun 1960an hingga 1970an turut memfokuskan kepada kebangkitan Islam telah menimbulkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia bagi menentang pemerintahan yang bersifat sekular yang dibawa oleh penjajah barat. Kesan pembaharuan nasionalisme ini menyebabkan gerakan Islam sehingga masa kini tidak menolak konsep nasionalisme tetapi menyesuaikan nasionalisme dengan cara Islam.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang dana atau geran daripada mana-mana sumber. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia dan individu yang telah memberi sokongan akademik dan intelektual dalam penyediaan kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam artikel ini.

PERNYATAAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN GENERATIF

Semasa penyediaan manuskrip ini, penyelidik telah menggunakan *Microsoft Co-pilot* untuk tujuan penyuntingan bahasa sahaja.

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdullah. (2010). *Sejarah ikhtilaf mazhab di Malaysia: suatu kajian tentang perkembangan pemikiran tajdid dan islah*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Abdul Rahman Abdullah. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: sejarah dan aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Abdul Rahman Abdullah. (1987). *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badri Yatim, Soekarno. (1999). *Islam Dan Nasionalisme*, Jakarta: PT.Logos Wacana Ilmu.
- Faisal @ Ahmad Faizal bin Ab Hamid & Faizuri bin Abdul Latiff. 2013. Pemikiran Islah majalah Pengasuh tahun 1918. *Jurnal At-Tamaddun* 8(1), 115-131.
- H. Dadang Kahmad. (1999). *Metode Penelitian Agama: Perspektif Ilmu Perbandingan Agama*: Bandung: Gunung Djati Press.
- Kersten, C. (2009). Islam, cultural hybridity and cosmopolitanism: new muslims intellectuals on globalization. *Journal of Global and International Studies* 1(1), 89-113.
- Jaffary Awang & Kamarudin Salleh. (2007). *Pemikiran Islam & isu-isu semasa*. Bangi: FPI UKM.
- Kamarudin Salleh. (2007). *Modenisme Islam Malaysia-Indonesia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Kamarudin Salleh. (2012). Tranformasi pembaharuan dan modenisme di Malaysia: satu penelitian awal. *International Journal of Islamic Thought* (2), 23-37.
- Mandaville, P. (2007). How do religious beliefs affect politics. *Global Political Islam*, hlm. Abingdon: Routledge.
- Mashitah Sulaiman. (2013). Islam dan transformasi sosial masyarakat Melayu Malaysia: suatu kajian eksploratori. *Proceeding of The International Conference on Social Science Research(ICSSR)*, 778-800.
- Mohamed Ismail Ahamad & Amira Mohd Yusof. (2012). A Genre Analysis of Islamic Academic Research Article Introductions, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Volume: 66,157-178, Dec 7.
- Mohamad Kamil Ab. Majid. (1996). Skop, sejarah, dan aliran pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin* 5(9), 111-136.
- Mohamad Kamil, Ibrahim Majdi Bin. (2020). William R. Roff (1967), The origins of Malay nationalism, Kuala Lumpur: University of Malaya press. 297 pages. *Journal of Al-Tamaddun*, v. 15, n. 1, 119-205.
- Roff, W.R. 1967. *The origins of Malay nationalism*. Kuala Lumpur. University of Malaya Press.
- Shiozaki Yuki. 2007. Formation of public spheres and Islamists movements in Malay Muslim society of Malaysia. *Journal of the Interdisciplinary Study of Monotheistic Religions* (3), 98-122.
- Stoddard, L. 1966. *Dunia Baru Islam*. Jakarta: Panitia Penerbit Dunia Baru Islam.